

30/09/2003

IQJ perlu 300 saintis

CYBERJAYA: Makmal penyelidikan dan pembangunan (R&D) mega seluas 28,000 meter persegi, InventQjaya (IQJ), yang dijangka beroperasi selewat-lewatnya akhir tahun ini, memerlukan antara 200 hingga 300 saintis setiap tahun dalam tempoh operasi lima tahun.

Pengerusi dan Ketua Eksekutif InventQjaya Sdn Bhd, Dr Sadeq Mustafa Faris, berkata permintaan terhadap keperluan R&D itu membuka peluang pekerjaan kepada saintis Malaysia untuk terbabit dalam teknologi termaju.

"Kita juga menggalakkan saintis Malaysia yang bekerja di luar negara pulang dan sekurang-kurangnya dua saintis mengkhusus dalam bidang sains dan teknologi bersetuju pulang dan bekerja di makmal ini.

"Ketika ini kita mempunyai 35 saintis tempatan termasuk ahli teknologi, kita juga membawa masuk antara 10 hingga 15 saintis dari luar untuk membantu penyelidikan," katanya pada taklimat media mengenai IQJ di sini, semalam.

Pelancaran makmal R&D mega itu akan disempurnakan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 11 Oktober ini. Ia dijangka siap akhir November dan beroperasi Disember ini.

IQJ usaha sama yang disokong kerajaan dengan Reveo Incorporated (Reveo) yang berpangkalan di Amerika Syarikat, adalah makmal sains terkini yang berorientasikan ciptaan dibiayai khas bagi membantu menjayakan Wawasan 2020.